

Far East juara Ping Pong UiTM Pahang

>Oleh Asrol Awang

PASUKAN Far East muncul johan acara beregu Kejohanan Tertutup Ping Pong Jemputan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Pahang di Dewan Serbaguna Kampung Jengka, Maran, kelmarin.

Far East yang disertai Mohd Suhaimi Abdullah/Ahmad Ghazali Johari menewaskan Syazwan Rahman/Shahrizal Ishak dari Majlis Sukan Sekolah daerah (MSSD) 3-2.

Gandingan Mohd Suhaimi/Ahmad Ghazali membawa pulang wang tunai RM200 dan pingat, manakala Syazwan/Shahrizal RM100.

Kejohanan dianjurkan Persatuan Sukan dan Kebajikan Kakitangan UiTM (PSKK) Pahang membariskan 42 beregu yang terpilih dari seluruh negara.

Kategori lain yang turut dipertandingkan adalah berpasukan lelaki terbuka, perseorangan lelaki terbuka, perseorangan lelaki bawah 18 dan 12 tahun yang menawarkan hadiah keseluruhan RM5,000.

Acara berpasukan lelaki terbuka dimenangi tuan rumah, UiTM dengan membenam PDRM Jerantut 2-1;



MANTAP...Mohd Suhaimi (kiri) dan Ahmad Ghazali bersama medal yang dimenangi, kelmarin.

johan perseorangan lelaki, Rahim Abdullah dari UiTM menewaskan Amri Mokhtar dari Far East 4-1.

Pengerusi kejohanan, Ab-

dul Manan Yunus berkata, kejohanan berkenaan adalah bertujuan mempopuler serta mengembangkan permainan ping-pong di Pahang.